



Ruj Kami : KPMSP.600-1/4/5(2)
Tarikh : 8 Januari 2016
27 Rabiulawal 1437

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg, Datuk/Tuan,

**SKIM PINJAMAN BUKU TEKS:
PERPINDAHAN MURID DALAM ZON PENGEDARAN/PENGGUNAAN BUKU TEKS YANG SAMA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk,

2. Adalah dimaklumkan bahawa, masih terdapat isu kekurangan buku teks disebabkan perpindahan murid ke sekolah baharu yang tidak membawa buku teks dari sekolah asal. Kekurangan ini disebabkan terdapat pihak sekolah yang tidak mematuhi arahan pentadbiran membenarkan murid berpindah membawa buku teks bersama. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan yang berkaitan perkara tersebut seperti berikut:

- i. Langkah Penjimatan: Perpindahan Murid Dalam Zon Pengedaran Penggunaan Buku Teks Yang Sama **(KP.BT.8945/Jld.19/(65)) bertarikh 9 April 2004.**
- ii. Peringatan Semula Berhubung Arahan Perpindahan Murid Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Buku Teks Yang Sama **(KP.BT.8945/Jld.28/(24)) bertarikh 17 Mac 2008.**
- iii. Surat Arahan Pentadbiran Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kegunaan Tahun 2009: Peringatan Semula Berhubung Arahan Perpindahan Murid Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Buku Teks Yang Sama **(KP.BT.8945/Jld.30/(13)) bertarikh 12 Januari 2009.**
- iv. Surat Peringatan Berhubung Arahan Perpindahan Murid Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Buku Teks Yang Sama **(KP.BT.600/8822/(5)) bertarikh 17 Disember 2012.**

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, surat arahan di atas masih berkuat kuasa. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Tuan adalah diminta untuk mematuhi arahan yang telah dikeluarkan dengan memastikan sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/Tuan membenarkan murid yang berpindah membawa buku teks bersama mereka ke sekolah yang baharu. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Am Pengurusan Buku Teks bagi Murid Berpindah Sekolah seperti pada Lampiran 1 serta Justifikasi Murid Membawa Buku Teks Bagi Perpindahan Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Yang Sama seperti pada Lampiran 1A.

4. YBhg. Datuk/Tuan juga dipohon memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan.

Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI PARIDIN BIN JAIS)

Pengarah

Bahagian Buku Teks

Kementerian Pendidikan Malaysia

Telefon : 03:88844275

E-mel : paridin.jais@moe.gov.my

sk.

- i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)

Prosedur Am Pengurusan Buku Teks bagi Murid Berpindah Sekolah

A. Perpindahan Dalam Zon Yang Sama

1. Murid hendaklah membawa buku teks dan juga Buku Aktiviti (BA) SPBT (yang mana berkaitan) ke sekolah baharu.

B. Perpindahan Dalam Zon Yang Berbeza

1. Murid perlu memulangkan terlebih dahulu buku teks dan BA kepada sekolah asal dan memohon buku teks dan BA berkaitan di sekolah yang baharu.
2. Sekolah yang menerima murid dari zon pengedaran/penggunaan buku teks dan BA yang berbeza hendaklah menyediakan buku tersebut untuk murid berkenaan sekiranya buku teks dan BA mencukupi. Sekiranya buku teks dan BA tidak mencukupi, pihak sekolah hendaklah mendapatkan buku teks dan BA berkenaan dari Bilik Operasi SPBT Daerah.
3. Pihak sekolah hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sekiranya buku berkenaan tiada atau tidak mencukupi di BOSD dan pihak PPD hendaklah berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri bagi mendapatkan buku-buku tersebut.

Nota:

- i. Perpindahan murid adalah meliputi sama ada perpindahan sekolah dalam daerah, antara daerah ataupun antara negeri.

Justifikasi Murid Membawa Buku Teks Bagi Perpindahan Dalam Zon Pengedaran/Penggunaan Yang Sama

1. Permohonan dan pembelian buku teks SPBT dibuat untuk semua murid yang layak pada tahun berkaitan. Oleh yang demikian pada dasarnya seorang murid akan mendapat satu set buku teks setiap tahun. Sekiranya murid berpindah maka sepatutnya murid tersebut akan membawa buku teks SPBT yang telah diperuntukkan kepadanya bersama-sama ke sekolah baharu.
2. Sekolah yang akan menerima perpindahan murid tidak membuat pesanan buku teks SPBT bagi murid yang masuk berpindah tersebut kerana tiada maklumat awal. Oleh itu, akan berlaku kekurangan buku teks sekiranya murid yang baru berpindah ke sekolah baharu tidak membawa set buku teks SPBT bersama. Ini akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu.
3. Ini akan membolehkan murid terus belajar menggunakan buku teks pada hari pertama murid tersebut berpindah. Pesanan buku teks tambahan memerlukan tempoh masa yang lama sebelum buku teks sampai ke tangan murid sekiranya agihan dalaman antara sekolah atau Bilik Operasi SBPT Daerah tidak dapat menampung kekurangan tersebut.
4. Langkah ini juga boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan kerana buku sepatutnya tidak perlu dibuat pesanan tambahan bagi memenuhi keperluan murid yang berpindah tersebut. Buku teks SPBT adalah hak kerajaan dan bukannya hak sekolah. Buku teks SPBT boleh dipindah/digerakkan pada bila-bila masa mengikut keperluan.
5. Sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan maka sekolah yang muridnya berpindah ke sekolah lain akan mempunyai buku teks yang berlebihan manakala sekolah akan menerima murid baharu akan mengalami kekurangan buku teks.